

# Pembelajaran Menggunakan Kaedah *Brainwriting* Dalam Membantu Murid Menguasai Kemahiran Menulis

## *Learning Using Brainwriting Methods In Helping Students Master Writing Skills*

Tiong Yoke Nee<sup>1</sup>, Muhammad Syawal Amran<sup>2</sup>,

<sup>1,2</sup> *Falkuti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;*

### Article progress

Accepted: 4 March 2021

Reviewed: 29 March

2021

Published: 30 November

2021

### \*Corresponding author:

Tiong Y, N, Universiti

Kebangsaan Malaysia,

Bangi, Malaysia;

Email:

yokenee92@gmail.com

**Abstrak:** Kemahiran menulis memerlukan koordinasi dari segi kognitif dan linguistik untuk menghasilkan penulisan yang baik dan mudah difahami oleh pembaca. Maka boleh dikatakan kemahiran menulis merupakan antara kemahiran bahasa yang rumit dan susah dikuasai oleh murid. Secara umum, murid masih lemah dalam penulisan tidak kira dari segi aspek penjanaan idea, pengembangan idea dan juga pemikiran kreativiti. Kegagalan murid menguasai kemahiran menulis masih menjadi isu yang hangat dan sering dipertikaikan dalam masyarakat. Kertas konsep ini bertujuan menerangkan penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis. Kaedah *Brainwriting* merupakan pembelajaran koperatif yang memerlukan kerjasama antara ahli dengan memberikan ruang kepada murid berkongsi idea secara bertulis. Dalam pada itu, kertas konsep ini mendedahkan prinsip-prinsip dan cara pelaksanaan kaedah *Brainwriting* dalam penulisan. Isu-isu penulisan turut dibincang secara menyeluruh untuk memberikan gambaran jelas tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh murid dalam menguasai kemahiran menulis. Kertas konsep ini juga meneliti perkaitan antara kaedah *Brainwriting* dengan Teori Konstruktivisme Sosial *Vygotsky*. Implikasi penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran menulis juga ditinjau dan dijelaskan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Kertas konsep ini diharapkan boleh menyedarkan para pendidik dan pihak sekolah tentang peranan mereka dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan bagi membantu murid menguasai kemahiran menulis. Bukan itu sahaja, kertas konsep ini juga memberi informasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membuat perancangan reformasi dan inovasi dalam bidang penulisan.

**Kata kunci:** kaedah *Brainwriting*, kemahiran menulis, Teori Konstruktivisme Sosial *Vygotsky*

**Abstract:** Writing skills require coordination in terms of cognitive and linguistic to produce writing that is good and easy for the reader to understand. So it can be said that writing skills are among the complicated language skills and difficult for students to master. In general, students are still weak in writing regardless of the aspects of idea generation, idea development and also creative thinking. Student failure to master writing skills is still a hotly debated issue in society. This concept paper aims to explain the use of Brainwriting methods in helping students master writing skills. Brainwriting method is a cooperative learning that requires cooperation between members by giving students space to share ideas in writing. In the meantime, this concept paper reveals the principles and ways of implementing Brainwriting methods in writing. Writing issues are also discussed comprehensively to provide a clear picture of the problems faced by students in mastering writing skills. This concept paper also examines the relationship between Brainwriting methods and Vygotsky's Theory of Social Constructivism. The implications of the use of Brainwriting methods in writing skills are also reviewed and explained based on relevant previous studies. It is hoped that this concept paper can make educators and schools aware of their role in creating a fun learning environment to help students master writing skills. Not only that, this concept paper

also provides information to the Ministry of Education Malaysia (MOE) to make reform and innovation planning in the field of writing.

**Keywords:** Brainwriting methods, writing skills, Vygotsky's Theory of Social Constructivism

## Pengenalan

Penguasaan murid dalam bahasa diuji menerusi kemampuan berbahasa, kemahiran menggunakan maklumat serta pemikiran kreatif dan penghayatan terhadap bahasa melalui pemahaman dan penulisan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Kemahiran menulis ialah salah satu kemahiran penting dan utama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Penulisan dikatakan kemahiran bahasa yang dititikberatkan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia (Norfaizah, Anida & Idris 2015). Penulisan merupakan satu siri aktiviti yang kompleks bagi seseorang untuk menyatakan idea dan mengekspresikannya secara bertulis kepada pembaca. Ini selari dengan pandangan Siti Zabidah (2006) bahawa penulisan melibatkan kemahiran berfikir dan ekspresi perasaan dalam bentuk tulisan. Justifikasinya, menulis merupakan cara berhubung dengan orang lain dan juga kemahiran yang penting untuk meluahkan pendapat diri.

Dewasa ini, setiap murid wajar menguasai kemahiran menulis dengan baik. Penulisan ialah aktiviti yang memerlukan pemikiran, perasaan dan kreativiti murid untuk mencetuskan idea dalam penulisan (Wahyuni, Martono & Agus 2016). Nur Shakirah dan Muhammad Saiful (2017) menjelaskan bahawa murid yang lemah dalam bahasa akan memberikan impak terhadap pencapaian mereka dalam akademik kerana bahasa merupakan medium untuk menguasai ilmu. Oleh sebab itu, kemahiran menulis amat penting bagi murid kerana mempunyai perkaitan rapat dengan penguasaan bahasa seseorang.

Pada masa ini, kaedah pengajaran penulisan di sekolah lebih bersifat konvensional dan tidak menggalakkan pemikiran kreativiti murid. Oleh itu, interaksi dua hala dan pembelajaran aktif yang menyumbang kepada pemikiran kreativiti tidak dapat berlaku dalam bilik darjah (Azieyana & Christina 2018). Jadi, penguasaan kemahiran menulis dikatakan cabaran bagi guru dan juga murid kerana menuntut kemahiran kognitif yang rumit (Che Zanariah & Fadzilah 2011). Kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang pendidik, sudah pastinya akan memberi kesan terhadap cara pembelajaran murid (Bhavani & Zamri 2017). Jelaslah bahawa, guru sepatutnya mengaplikasikan pedagogi pengajaran yang berunsur pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) untuk merangsang pemikiran dan motivasi pembelajaran murid dalam kelas penulisan.

Lantaran itu, pembelajaran koperatif merupakan antara kaedah pembelajaran yang memenuhi kriteria PAK-21 dan selaras dengan trend pendidikan kini. Abdul Rashid, Shamsuddin dan Sufiza (2013) menjelaskan bahawa pembelajaran aktif hendaklah diutamakan dalam proses penulisan demi memupuk pemikiran kreativiti yang ditekankan dalam kurikulum. Ini selaras dengan pandangan Azieyana dan Christina (2018), pembelajaran koperatif ialah pendekatan pembelajaran fokus kepada murid yang dapat menarik minat dan merangsang pemikiran murid melalui interaksi dalam kumpulan. Jelaslah bahawa pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran bermakna yang mampu mengembangkan pemikiran dan meningkatkan motivasi murid terutamanya dalam kemahiran menulis.

Kaedah *Brainwriting* merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang memberikan ruang kepada murid berkongsi idea secara bertulis dalam kumpulan. Rainal (2016) menjelaskan bahawa kaedah *Brainwriting* memerlukan penglibatan aktif daripada ahli kumpulan untuk menjana idea sebagai satu pasukan. Kaedah *Brainwriting* berteraskan pemikiran kreatif mendorong murid ke arah pembelajaran sendiri dan sesuai diterapkan dalam penulisan. Hujah ini disokong oleh A Hamzah, Restu dan Asdar (2018), kaedah *Brainwriting* ialah strategi yang baik untuk meningkatkan kemahiran murid dalam menulis. Bukan itu sahaja, kaedah *Brainwriting* berguna untuk mendorong murid pasif atau murid yang tidak percaya diri untuk menjana idea mereka dalam bentuk bertulis (Ratih 2016). Oleh itu, kaedah *Brainwriting* sesuai diterapkan untuk meningkatkan keupayaan murid dalam penghasilan dan pengembangan idea yang dapat membawa kemajuan dalam kemahiran menulis.

## Isu-isu dalam penguasaan kemahiran menulis

Penulisan dikatakan antara kemahiran bahasa yang rumit dan susah dikuasai oleh murid. Ini sama dengan pandangan Sri Indrawati (2017), penulisan merupakan aspek yang paling susah dikuasai oleh murid jika dibandingkan dengan kemahiran bahasa yang lain. Hal ini berlaku demikian kerana proses menulis sebuah karangan yang lengkap menuntut keupayaan intelek dan kemahiran bahasa yang tinggi (Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Jelaslah bahawa kesukaran dan kerumitan dalam

penguasaan penulisan adalah jauh lebih tinggi jika berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain.

Kini, murid sering menghadapi masalah untuk mencetus dan menjana idea dalam penulisan. Kekurangan idea merupakan masalah yang biasa ditemui oleh murid apabila mula menulis sehingga mempengaruhi kualiti penulisan yang dihasilkan (Nurul Aisyah, Zamri & Nor Azwa0, 2016; Dian & Haryanto, 2018). Shahlian, Shalinawati dan Saemah (2013) menjelaskan kebanyakan murid tidak mampu menulis isi karangan dalam perenggan lebih daripada 100 patah perkataan dan hanya menggunakan 30 hingga 40 patah perkataan sahaja. Maka, boleh dikatakan bahawa kebanyakan murid menghadapi masalah mengembangkan idea dan menghuraikan isi dengan jelas dan tepat.

Pada waktu yang sama, murid juga lemah dalam memberikan contoh yang jelas dan relevan dalam penulisan. Ini sama dengan pandangan Farah (2019), murid masih lemah dalam membuat huraian yang tepat malah isi yang dikemukakan adalah kabur dan tidak jelas. Terdapat sebahagian murid hanya menulis beberapa ayat ringkas dan ada juga yang menulis sesuatu idea tidak mempunyai kaitan dengan tajuk. Hujah ini sama dengan pendapat Yusfaiza dan Mohd Ishah (2012) bahawa murid tidak mampu menghasilkan idea, menyusun dan menghuraikan idea sehingga menghasilkan penulisan yang bermakna. Oleh sebab itu, kelemahan murid dalam perkembangan isi akan membawa impak terhadap mutu penulisan.

Tambahan pula, murid yang lemah dalam pemikiran menghadapi masalah dalam penajanaan dan penghuraian idea. Sri Indrawati (2017) menyatakan bahawa kemahiran penulisan berhubung dengan kemahiran berfikir. Hujah ini juga disokong oleh pandangan Ahmad Fikri dan Zamri (2019) yang berpendapat bahawa kekurangan murid dalam penguasaan kemahiran berfikir akan menyebabkan mereka lemah dalam penulisan. Jika kemahiran menulis tidak bertambah baik, keupayaan murid untuk menyatakan pemikiran atau idea mereka melalui bentuk bertulis akan berkurangan atau tidak berkembang (A Hamzah, Restu & Asdar, 2018). Oleh itu, murid yang lemah berfikir tidak mampu menjana idea dengan berkesan terhadap sesuatu isu bagi menghasilkan penulisan yang lengkap dan bermutu.

Sementara itu, murid juga kurang motivasi dalam kelas penulisan. Mengikut pandangan Adi (2019), pembelajaran seseorang akan membuahkan hasil jika ada motivasi. Jadi bagi murid yang kurang motivasi nescaya akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam penulisan. Ini selari dengan pandangan Siti Zabidah (2006), murid yang kurang motivasi terhadap pembelajaran membawa kesan kepada mutu pencapaian. Lama-kelamaan, murid akan berasa bosan sehingga hilang motivasi dalam kelas penulisan. Motivasi berperanan penting dalam

menentukan keberkesanan pembelajaran murid (Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz, 2008). Justifikasinya, motivasi merupakan unsur penting yang mempengaruhi pencapaian akademik murid khususnya dalam penulisan.

Di samping itu, sikap guru menjadi salah satu faktor kegagalan murid menguasai kemahiran menulis (Che Zanariah & Fadzilah, 2011; Hasnan, 2017; Farah, 2019). Ramai guru yang masih menggunakan kaedah pengajaran tradisonal yang tidak melibatkan murid secara aktif dalam proses pembelajaran (Sri Indrawati, 2017). Lebih-lebih lagi, guru masih tidak menguasai strategi yang sesuai untuk menggalakkan murid berfikir secara kreatif (Hasnah & Jamaludin, 2017; Muhamamd Faez, Wan Muna & Melor, 2018). Proses pembelajaran sedemikian akan menyebabkan objektif pembelajaran tidak dapat tercapai dan membawa penurunan pencapaian murid dalam penulisan. Murid akan menghadapi masalah dalam penulisan jika guru cuma menggunakan kaedah pengajaran yang sama dalam pengajaran teknik menulis. Hal ini disokong oleh Zamri dan Nor Razah (2011), isu guru yang gagal mencetuskan idea dan pemikiran murid telah mewujudkan masalah para murid tidak melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran. Oleh itu, kreativiti guru dalam melaksanakan strategi pengajaran secara fleksibel dan kreatif amat diperlukan. Jelas dilihat bahawa guru bertanggungjawab untuk memberikan ruang dan menerajui pembelajaran murid di samping meningkatkan motivasi penulisan mereka.

Konklusinya, murid masih lemah dalam penulisan tidak kira dari segi aspek pencetusan idea, penghuraian idea dan juga pemikiran kreativiti. Malah, murid juga kekurangan motivasi untuk belajar dalam kelas penulisan. Sementara itu, kelemahan guru untuk melaksanakan kaedah pembelajaran yang sesuai bagi merangsangkan pemikiran kreativiti murid dalam penulisan juga menyebabkan masalah ini terus berlarutan. Murid sepatutnya harus menguasai kemahiran menulis dengan baik sejak dari zaman sekolah rendah. Tetapi hakikatnya, tahap penguasaan murid dalam kemahiran penulisan masih dalam tahap yang membimbangkan (Ahmad Fikri & Zamri, 2019). Justifikasinya, satu mekanisme baharu harus dilaksanakan untuk membantu para murid menguasai kemahiran menulis.

### **Kaedah *Brainwriting***

Kaedah *Brainwriting* diasaskan oleh *Brend Rohrbach* pada tahun 1968 (Rainal, 2016). *Brainwriting* merupakan kaedah pembelajaran yang penyampaiannya melalui penulisan dengan menulis semua yang ada dalam fikiran. (A Hamzah, Restu & Asdar, 2018; Rainal, 2016). Kaedah *Brainwriting* merupakan sejenis kaedah pemupukan pemikiran kreativiti yang dilaksanakan secara

berkumpulan. Oleh itu, idea yang ditulis oleh peserta akan menjadi rangsangan idea baharu bagi ahli yang lain.

Pada masa yang sama, proses hubung kait dan penggabungan idea akan berlaku dalam proses ini. Siti Rofi'ah (2019) mendefinisikan *Brainwriting* sebagai kaedah untuk mencurahkan idea mengenai sesuatu perkara dan masalah secara bertulis. Dalam pelaksanaan *Brainwriting*, murid harus menulis idea mereka secara bertulis pada sekeping kertas. Murid juga boleh menambahkan idea atau bertukar idea dengan peserta lain dalam kumpulan. Oleh itu, proses pemikiran dijalankan secara berterusan sehingga rangkaian proses ini dapat menghasilkan idea yang lebih menarik daripada idea asal.

Di samping itu, semua peserta dapat melibatkan diri secara aktif dalam penjana idea. Kaedah *Brainwriting* sebagai teknik kreatif yang melibatkan semua ahli dalam kumpulan untuk bertukar pendapat secara bertulis (Syifana, 2019; Ririn, 2019). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa *Brainwriting* merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang menekankan penjana idea yang banyak dalam masa yang singkat melalui interaksi antara ahli. Namun begitu, interaksi secara lisan tidak berlaku dalam *Brainwriting* tetapi ahli kumpulan berkomunikasi secara bertulis.

Bukan itu sahaja, kaedah *Brainwriting* boleh digunakan sebagai salah satu strategi untuk membuat perenggan. Filda (2015) menjelaskan *Brainwriting* merupakan pengubahsuaian dari idea *Brainstorming* yang dapat merangsang pemikiran dalam penjana idea sebelum menulis perenggan. Kaedah kreatif ini dapat melancarkan proses pembelajaran dan mengurangkan kebosanan murid dalam penulisan. A Hamzah, Restu dan Asdar (2018) mendefinisikan kaedah *Brainwriting* merupakan kaedah pembelajaran berpusat murid yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis. Jelas dilihat bahawa *Brainwriting* boleh merangsang motivasi murid dalam kelas penulisan di samping merangsang keupayaan murid untuk menjana idea.

Sementara itu, ahli-ahli pasif dan kurang keyakinan diri dapat meluahkan pendapat mereka secara bertulis menerusi kaedah *Brainwriting*. Ratih (2016) menjelaskan *Brainwriting* dapat menghasilkan idea-idea yang banyak menerusi perkongsian pendapat dengan rakan-rakan. Kaedah ini juga mengurangkan kemungkinan berlakunya konflik antara ahli-ahli dalam perbincangan kumpulan. Justifikasinya, kaedah *Brainwriting* boleh mengurangkan ketakutan dan kegelisahan untuk meluahkan idea dan boleh menghasilkan lebih banyak idea berbanding dengan kaedah sumbang saran konvensional.


Secara keseluruhannya, kaedah *Brainwriting* dapat dikatakan sejenis pembelajaran aktif yang dapat menuntut penglibatan sepenuhnya dari para peserta. Proses penjana idea yang bebas telah mendorong proses penggabungan dan pengembangan idea menerusi

pemikiran kreativiti. Oleh itu, proses pemikiran yang berterusan dalam pelaksanaan *Brainwriting* dapat menghasilkan idea yang lebih menarik dan kreatif daripada idea asal. Bukan itu sahaja, keyakinan murid terhadap pembelajaran dapat ditingkatkan dan juga mendatangkan impak positif terhadap motivasi pembelajaran mereka.

## Cara pelaksanaan dan prinsip-prinsip Kaedah *Brainwriting*

Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, Siti Rofi'ah (2019) menjelaskan bahawa murid akan dibahagikan ke dalam kumpulan kecil antara empat hingga enam orang. Murid duduk dalam bentuk bulatan dan sehelai borang *Brainwriting* diletakkan di meja setiap peserta. Cara pelaksanaan sebelum aktiviti *Brainwriting* boleh rujuk kepada Jadual 1.


Jadual 1: Cara pelaksanaan sebelum aktiviti *Brainwriting*



Seorang moderator boleh dilantik sebelum pelaksanaan kaedah *Brainwriting*. Moderator boleh memberi pencerahan dan pendedahan berdasarkan topik yang dipilih. Setiap murid akan menjana tiga idea berdasarkan tajuk perbincangan, kemudian borang *Brainwriting* diserahkan kepada ahli kumpulan yang lain mengikut pusingan jam. Masa yang diperuntukkan setiap pusingan ialah lima minit. Penulisan idea peserta boleh dalam bentuk tulisan, lukisan atau simbol yang boleh difahami. Murid boleh menggunakan idea dari peserta lain sebagai rangsangan untuk jana idea baharu atau memikirkan pengubahsuaian dalam proses penjana


idea. Proses penulisan idea akan berterusan sehingga peserta menerima semula borang asalnya. Cara pelaksanaan semasa aktiviti *Brainwriting* boleh rujuk kepada Jadual 2.

Jadual 2: Cara pelaksanaan semasa aktiviti *Brainwriting*



Selepas sesi penjanaan idea, moderator akan menapis dan memilih beberapa idea yang dapat difokuskan dalam penulisan. Cara pelaksanaan selepas aktiviti *Brainwriting* boleh rujuk kepada Jadual 3.

Jadual 3: Cara pelaksanaan selepas aktiviti *Brainwriting*



Kajian Arin, Haniffa & Agung (2018) menerangkan dua prinsip utama dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*. Prinsip yang pertama ialah tiada penilaian terhadap idea yang dijana oleh peserta kerana proses ini bertujuan mengumpul idea yang berkaitan dengan sebanyak mungkin. Elvi dan Fitrawati (2018) menjelaskan bahawa murid berasa bebas tulis idea mereka dalam proses *Brainwriting* kerana kritikan dan komen adalah tidak dibenarkan. Oleh itu, Siti Rofi'ah (2019) menyatakan *Brainwriting* dapat menghasilkan idea yang banyak jika dibanding dengan kaedah pembelajaran konvensional.

Prinsip yang kedua ialah pengulangan idea dalam proses pelaksanaan kaedah *Brainwriting* adalah diterima kerana sumbangan idea setiap ahli adalah tidak dinilai. Jadi, boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* memegang prinsip penerimaan sebarang idea yang dicetus dan tiada sebarang kritikan terhadap idea yang dituliskan. Kedua-dua prinsip ini penting dalam mendorong murid menjana idea dan pada masa yang sama juga dapat dapat mengurangkan rasa ketakutan murid untuk meluahkan idea. Bukan itu sahaja, murid yang malu berpeluang meluahkan fikiran secara bertulis. Pada waktu yang sama, pelaksanaan kaedah *Brainwriting* dapat memastikan perbincangan dalam kumpulan tidak akan didominasi oleh ahli aktif dan peluang murid untuk meluahkan fikiran adalah sama. Dengan ini, proses pemikiran berlaku secara berterusan dan juga membangkitkan pemikiran kreativiti seseorang.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah *Brainwriting* merupakan kaedah pembelajaran koperatif yang melibatkan interaksi aktif antara ahli. Kaedah *Brainwriting* juga memberikan kebebasan sepenuhnya kepada peserta bagi mendorong mereka menjana idea tanpa sebarang halangan dan sekatan secara mental.

### Teori Konstruktivisme Sosial *Vygotsky* dalam kaedah *Brainwriting*

Teori Konstruktivisme Sosial *Vygotsky* menekankan zon perkembangan proksimal (ZPD) dalam pembelajaran murid. ZPD mendedahkan potensi murid dan direalisasikan dalam interaksi dengan orang lain yang berpengetahuan (Rishabh 2013). Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, murid mendapat rangsangan idea daripada rakan lain bagi mengubahsuaian atau menjana idea yang baharu. Pemikiran *Vygotsky* menunjukkan bahawa pembinaan pengetahuan bukan melalui fikiran tetapi dalam interaksi sosial yang dibina antara yang individu yang lebih memerlukan bimbingan daripada individu yang berpengetahuan (Karim 2016). Ini selari dengan konsep teori pembelajaran *Vygotsky*, rakan sebaya yang mahir memikul sebahagian besar tanggungjawab untuk membimbing penyelesaian masalah, tetapi secara beransur-ansur tanggungjawab ini dipindahkan kepada

murid yang lemah. Pada peringkat awal dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, murid yang lemah menjana idea berdasarkan rangsangan idea murid yang mahir. Menurut Filda (2015), *Brainwriting* membantu murid dalam menjana dan mengembangkan idea bersama rakan mereka dalam satu kumpulan. Melalui proses ini, ZPD murid dalam penjana idea telah dibangunkan. Apabila proses ini diulang pada tahap kesukaran yang lebih tinggi, murid mampu membina ZPD yang baharu di mana pembelajaran sendiri dapat berlaku. Oleh tu, lama-kelamaan murid yang lemah boleh menjana idea berdasarkan perkembangan ZPD dalam proses pembelajaran. Maka boleh dikatakan ZPD yang dibangunkan dalam kalangan murid ketika pelaksanaan kaedah *Brainwriting* mampu meningkatkan kemampuan mereka dalam penjana idea yang asli dan baharu. Hal ini berlaku demikian kerana pembelajaran melalui usaha kolaboratif dengan orang yang lebih mahir membolehkan murid dapat menguasai konsep dan kemahiran baharu.

Guru perlu membuat perubahan dalam kerjaya mereka dan meneruskan profesionalisme keguruan dengan penerapan pembelajaran aktif. Menurut Karim, Mohamad Khatib dan Saman (2010), pembelajaran pasif yang bergantung kepada guru akan menghalang pembelajaran murid dalam ZPD mereka. Maka guru perlu mempelajari cara-cara untuk melibatkan murid dalam pengalaman pembelajaran koperatif melalui penyertaan dalam ZPD murid (Rishabh 2013). Ini dapat melibatkan pembangunan fungsi mental murid yang lebih tinggi, seperti keupayaan untuk merancang, menilai, menghafal dan membuat ulasan. Ini menepati ciri *Brainwriting* yang merupakan rangkaian proses pemikiran yang akan membangkitkan kemampuan intelektual seseorang (A Hamzah, Restu & Asdar 2018). Jelas dilihat bahawa teori *Vygotsky* yang menuntut bimbingan orang yang berpengalaman dalam zon ZPD selari dengan prinsip *Brainwriting* yang membantu murid dalam menjana dan mengembangkan idea bersama rakan mereka dalam satu kumpulan.

Di samping itu, pelaksanaan kaedah *Brainwriting* menekankan interaksi sosial untuk membangunkan perkembangan kognitif. Mengikut perspektif *Vygotsky*, semua fungsi mental yang lebih tinggi mesti terlebih dahulu disaring melalui faktor luaran dalam bentuk interaksi sosial (Stacey & William 2004). Manusia mencari interaksi yang bermakna dengan persekitaran dan membina pengetahuan tentang diri sendiri dan dunia melalui interaksi ini. Ini mempunyai persamaan dengan prinsip pelaksanaan kaedah *Brainwriting* iaitu setiap ahli menulis idea dan diserahkan kepada ahli yang lain untuk membacanya dan menambahkan maklum balas atau menjana idea sendiri (Ririn 2019). Teori pembelajaran *Vygotsky* juga menegaskan bahawa pembangunan kognitif dibangunkan bagi memastikan seseorang dapat berinteraksi dengan

masyarakat melalui cara yang bermakna. Menurut Nina (2016), *Brainwriting* merupakan kaedah yang cuba mendorong penglibatan yang lebih adil dalam kumpulan dan ia direka untuk menghasilkan banyak idea dalam masa yang singkat. Dengan pertolongan rakan sebaya yang sesuai, murid sering dapat melakukan tugas-tugas yang mereka tidak dapat menyelesaikannya sebelum ini. Interaksi dengan ejen sosial sekitarnya seperti rakan sebaya yang lebih berkemampuan, menyumbang ketara kepada perkembangan intelektual murid-murid. Maka boleh dikatakan interaksi dengan rakan sebaya melalui pengaplikasian kaedah *Brainwriting* boleh menyumbang kepada peningkatan penguasaan kemahiran menulis murid.

Bukan itu sahaja, murid dapat belajar dengan lebih baik melalui aktiviti berkumpulan. Menurut Irina (2010), pembelajaran dalam konteks teori *Vygotsky* dapat membangkitkan pelbagai proses pembangunan dalaman apabila individu berinteraksi dengan orang yang lebih berpengalaman. Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, setiap peserta berusaha memperbaiki atau mengembangkan semua idea dalam kumpulan. Karim, Mohamad Khatib dan Saman (2010) mengujarkannya dalam pandangan teori pembelajaran *Vygotsky*, interaksi sosial memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Ini selari dengan prinsip kaedah *Brainwriting* yang menggalakkan murid saling menambah atau bertukar idea dengan ahli lain dalam kumpulan (Ratih 2016). Kaedah *Brainwriting* juga berguna untuk mendorong murid yang pasif atau kurang yakin untuk menyatakan idea mereka dalam secara menulis. Kaedah ini juga dapat membantu murid yang malu, takut dan cemas meluahkan idea secara lisan dapat menjana idea secara bertulis dengan bebas. Secara umum, boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* selari dengan prinsip teori pembelajaran *Vygotsky* yang memberi pendedahan kepada murid untuk membangunkan pengetahuan diri melalui interaksi sosial.

Lantaran itu, kaedah *Brainwriting* yang berteraskan pembelajaran koperatif memenuhi prinsip-prinsip teori pembelajaran *Vygotsky* yang mengutamakan pembelajaran secara berkumpulan bagi menjana pembelajaran bermakna. Penyepaduan tingkah laku atau penyatuan minda dan interaksi sosial adalah ciri utama teori perkembangan *Vygotsky* kerana ia bertepatan dengan ciri membentuk perkembangan manusia (Karim 2016). Interaksi sosial mesti dirangka dalam aktiviti yang mempunyai tujuan yang jelas. Hal ini berlaku demikian agar interaksi sosial dapat membawa pembangunan kepada manusia. Karim juga menyatakan interaksi sosial mesti dilaksanakan dalam aktiviti pembelajaran koperatif yang mempunyai matlamat yang jelas seperti aktiviti penyelesaian masalah bersama. Ini selari dengan prinsip *Brainwriting* yang menekankan pembelajaran koperatif dalam menjana idea yang banyak berdasarkan masalah yang dihadapi dalam masa yang paling singkat (Syifana

2019). Dari perspektif *Vygotsky*, ahli kumpulan boleh menyediakan idea kolektif untuk membetulkan masalah pembelajaran mereka. Justifikasinya, kaedah *Brainwriting* selari dengan prinsip teori pembelajaran *Vygotsky* yang menekankan peranan interaksi sosial dalam pembelajaran dan pembangunan. Pelaksanaan kaedah *Brainwriting* memberi cabaran kepada murid untuk meningkatkan kebolehan menyelesaikan masalah yang memupuk pemikiran kreativiti. Maka boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* memenuhi kriteria aktiviti pembelajaran koperatif yang boleh mendorong perkembangan kognitif. Pada masa yang sama, kaedah *Brainwriting* menyediakan strategi di mana murid dapat belajar antara satu sama lain.

Oleh itu, jelaslah bahawa interaksi sosial merupakan kerangka dalam teori pembelajaran *Vygotsky* untuk pembelajaran dan pembangunan pengetahuan. Teori ini menekankan kemahiran kognitif dan perkembangan intelektual murid boleh dicapai menerusi interaksi sosial. Penggunaan kaedah *Brainwriting* memberikan insentif kepada murid yang lebih berkemampuan untuk membantu mereka yang kurang mampu dalam proses penjaan idea yang selari dengan prinsip ZPD dalam teori pembelajaran *Vygotsky*. Konklusinya, kaedah *Brainwriting* memenuhi ciri-ciri teori pembelajaran *Vygotsky* yang berdasarkan pembelajaran berasaskan konteks sosial, mengalami pembelajaran yang bermakna dan bertanggungjawab terhadap pembinaan pengetahuan sendiri.

### **Implikasi penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran menulis**

Kaedah *Brainwriting* mendatangkan banyak impak positif terhadap kemahiran penulisan murid. Kaedah ini mampu mendorong pengembangan minda kreativiti. Pelaksanaan kaedah *Brainwriting* memupuk pemikiran berbeza untuk menghasilkan pelbagai idea merupakan keupayaan penting yang terlibat dalam pemikiran kreativiti. Pada waktu yang sama, kaedah *Brainwriting* berkisar kepada unsur pemikiran kreatif dapat membawa proses penjaan idea berterusan. Ini sama dengan dapatan kajian Arin, Haniffa dan Agung (2018) yang menyatakan *Brainwriting* memberi impak yang baik kepada murid untuk meningkatkan keupayaan menulis dan dapat mencurahkan idea yang lebih kreatif dalam penulisan. Maka boleh dirumuskan bahawa kaedah *Brainwriting* merupakan alternatif yang sesuai untuk memupuk pemikiran kreativiti penulisan.

Selain itu, kaedah *Brainwriting* merupakan pembelajaran kreatif yang mampu melatih murid merancang, mengembangkan idea mereka secara beransur-ansur dalam proses penulisan. Kaedah ini mendorong murid untuk menulis dengan menggunakan imaginasi mereka untuk mencetus idea yang pelbagai.

Seseorang individu memerlukan persekitaran yang menyokong dan memberi idea kreatif (Sternberg 2006). Kaedah *Brainwriting* berteraskan penulisan kreatif menyediakan persekitaran yang menyokong kebolehan imaginatif dan kreativiti murid. Jelas dilihat bahawa kaedah *Brainwriting* sesuai digunakan untuk melatih kebolehan murid dalam aspek pencetusan dan pembentukan idea melalui rangsangan idea-idea orang lain. Maka boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* menyediakan persekitaran yang sesuai untuk membangkitkan dan merangsang kreativiti murid dari segi penjaan idea, pengembangan idea dan juga pembentukan idea.

Sementara itu, kaedah *Brainwriting* melibatkan keupayaan untuk mengaitkan idea yang berbeza, menilai idea dan menggabungkannya menjadi pengeluaran idea baharu yang asli. Hujah ini disokong oleh Rainal (2016) yang menjelaskan bahawa *Brainwriting* membolehkan proses hubung kait dan penggabungan idea berlaku ketika berinteraksi dengan ahli kumpulan. Idea yang ditulis oleh peserta akan menjadi rangsangan idea baharu bagi ahli yang lain. Dalam penggunaan kaedah *Brainwriting*, murid berpeluang mengalami pemikiran reflektif, menganalisis, mensintesis dan menilai idea menerusi fasa penjaan idea bagi melatih kemampuan berfikir yang lebih tinggi. Boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* melahirkan kemahiran lain yang terlibat dalam pemikiran seperti penilaian idea, keupayaan untuk memilih idea yang relevan dan menyetepikan idea yang tidak berkaitan atau fleksibiliti mental yang ditakrifkan sebagai kemampuan untuk mempertimbangkan idea melalui sudut yang berbeza.

Pada waktu yang sama, kaedah *Brainwriting* melatih murid mencapai fleksibiliti dan kepelbagaian idea bagi menjana idea yang banyak dalam masa yang singkat. Fleksibiliti membolehkan individu menggunakan perspektif yang berbeza untuk menjana cara penyelesaian masalah yang pelbagai (Guilford 1967). Murid juga mampu mengekspresikan diri dengan berkesan bagi memindahkan dan mengatur idea yang dijana bagi menghasilkan penulisan yang lengkap. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pemikiran kreativiti yang dipupuk melalui kaedah *Brainwriting* telah menggalakkan proses pengolahan dan pengubahsuaian idea bagi menghasilkan idea yang baharu. Di samping itu, murid juga mampu meneliti idea dari pelbagai sudut untuk memilih idea yang sesuai dan berkualiti menerusi aktiviti *Brainwriting*.

Dalam pada itu, kaedah *Brainwriting* mampu merangsang perasaan ingin tahu murid bagi menjana idea yang asli dan bersikap keterbukaan untuk menerima idea ahli kumpulan yang lain. Pandangan ini selari dengan perspektif *Vygotsky*, ahli kumpulan dapat menyediakan perancah kolektif antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah pembelajaran mereka (Karim 2016). Menurut Irina (2010), pembelajaran dalam konteks teori *Vygotsky* dapat membangkitkan pelbagai proses

pembangunan dalaman apabila individu berinteraksi dengan orang yang lebih berpengalaman. Ini selaras dengan prinsip kaedah *Brainwriting* membolehkan murid berkongsi idea antara rakan dalam satu kumpulan dan pelbagai idea dapat diperolehi (Ratih 2016). Murid dapat merenungkan kemungkinan dan penyelesaiannya untuk satu masalah lalu terokai dan fikirkan secara kritis terhadapnya idea melalui pelaksanaan kaedah *Brainwriting* yang berasaskan penulisan kreatif. Jadi boleh disimpulkan bahawa kaedah *Brainwriting* membolehkan murid memanfaatkan kreativiti mereka untuk menjana dan mengembangkan idea mereka secara berkumpulan.

Seterusnya, kaedah *Brainwriting* berfungsi sebagai alat mediasi penting yang memupuk motivasi penulisan murid. Kajian lepas juga menunjukkan penggunaan *Brainwriting* dapat meningkatkan motivasi pembelajaran murid. Ini sama dengan dapatan kajian Filda (2015) yang menyatakan bahawa murid menunjukkan minat dalam menulis dengan mengembangkan idea secara bebas dan juga mengurangkan kebosanan murid dalam proses penulisan ketika pelaksanaan *Brainwriting*. Hujah ini juga disokong oleh Wahyuni, Martono dan Agus (2016) yang menjelaskan bahawa kaedah *Brainwriting* dapat memotivasikan murid untuk belajar, membolehkan mereka teruja dan mempunyai minat yang tinggi untuk mengambil bahagian dalam penulisan. Maka, boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* mampu memupuk motivasi penulisan sehingga mereka mempunyai keinginan dalaman yang terdorong untuk melibatkan diri dalam penulisan.

Lebih-lebih lagi, minat murid juga meningkat selepas penerapan kaedah *Brainwriting*. Kaedah *Brainwriting* boleh menyediakan murid dengan minat dan keseronokan dalam penulisan bagi mendorong motivasi penulisan. Pendapat ini disokong oleh kajian Siti Rofi'ah (2019) yang menekankan bahawa *Brainwriting* memastikan murid sentiasa aktif dan bersemangat semasa proses pembelajaran. Pada waktu yang sama, murid juga memberi minat dan fokus semasa proses pembelajaran. Ini selari dengan pandangan Paul, Horberg dan Isabelle (2017) bahawa minat individu merangsang motivasi yang berkekalan dan kecenderungan untuk melibatkan diri secara khusus dalam aktiviti. Kaedah *Brainwriting* mendatangkan kesan baik dalam mencetus dan merangsang minat menulis supaya dapat menikmati proses penulisan. Ini sejajar dengan pandangan A Hamzah, Restu dan Asdar (2018) iaitu penggunaan kaedah *Brainwriting* dapat mengurangkan kebosanan murid dalam pembelajaran dan lebih minat dalam proses penulisan. Jadi boleh dirumuskan bahawa kaedah *Brainwriting* mampu memupuk dan meningkatkan minat pembelajaran murid sehingga boleh fokus dalam pembelajaran. Maka boleh dikatakan murid dapat

meningkatkan tumpuan dan motivasi sendiri menerusi pelaksanaan kaedah *Brainwriting*.

Kaedah *Brainwriting* mampu mewujudkan persekitaran penulisan yang kondusif dan membolehkan murid menjana idea secara bebas tanpa sebarang tekanan dan juga emosi negatif. Hujah ini selari dengan kajian Karina, Anastasia dan Rustam (2016) yang mendapati bahawa apabila motivasi belajar dapat diwujudkan, murid-murid dapat mengurangkan tekanan dalam penulisan dan juga meningkatkan minat dan penglibatan dalam kelas penulisan. Maka boleh dirumuskan bahawa kaedah *Brainwriting* mampu merangsang motivasi penulisan di samping mengikis ketakutan untuk meluahkan idea. Hujah ini disokong oleh Cheung (2018) bahawa motivasi dapat melahirkan sikap positif dan meningkatkan keyakinan diri murid dalam aspek penulisan. Pernyataan ini sejajar dengan kajian Siti Rofi'ah (2019) menekankan bahawa *Brainwriting* dapat mengurangkan rasa ketakutan murid untuk meluahkan idea dan lebih motivasi dalam pembelajaran. Maka, kaedah *Brainwriting* mampu memberikan peluang kepada murid meluahkan fikiran secara bertulis dengan lebih yakin kerana bebas dari tekanan.

Bukan itu sahaja, kaedah *Brainwriting* berteraskan unsur interaksi sosial dapat mengasah kemampuan murid dalam aspek penajanaan idea yang asli. Niluphar dan Maud (2017) menjelaskan interaksi sosial dapat mengembangkan kreativiti dengan menolong mereka mencari jalan penyelesaian yang berbeza untuk menyatakan pendapat yang berbeza. Maka boleh dilihat kepentingan komponen interaksi sosial dalam kaedah *Brainwriting* bagi membangunkan kreativiti penulisan. Stacey dan William (2004) menjelaskan bahawa interaksi sosial mengikut perspektif teori pembelajaran *Vygotsky* memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif berhubung dengan apa yang dipelajari dan bagaimana pembelajaran berlaku. Kaedah *Brainwriting* membolehkan murid mengalami pembelajaran koperatif, bekerjasama secara berpasukan dalam keadaan di mana ahli kumpulan akan bertanggungjawab untuk menyertai secara giat dan bersedia bekerjasama. Hal ini dikatakan demikian kerana *Brainwriting* menekankan pembelajaran koperatif dalam menjana idea yang banyak berdasarkan masalah yang dihadapi dalam masa yang paling singkat (Syifana 2019). Boleh dirumuskan bahawa dalam penggunaan kaedah *Brainwriting*, murid mempunyai peluang yang sama untuk berinteraksi sesama rakan dan guru untuk berkongsi buah fikiran bagi menjana idea baharu.

Lain daripada itu, kemahiran sosial murid dapat dipupuk melalui pengaplikasian kaedah *Brainwriting*. Murid juga dapat belajar menerima idea orang lain dengan hati yang terbuka dan sentiasa hormat kepada ahli kumpulannya. Ini sama dengan kajian Karim, Mohamad Khatib dan Saman (2010) yang mengujarkannya dalam



pandangan teori pembelajaran *Vygotsky*, individu belajar dengan lebih baik semasa bekerjasama dengan orang lain. Ini selari dengan prinsip pelaksanaan *Brainwriting* iaitu setiap ahli menulis idea dan diserahkan kepada ahli yang lain untuk membacanya dan menambahkan maklum balas atau menjana idea sendiri (Ririn 2019). Maka boleh disimpulkan bahawa pelaksanaan kaedah *Brainwriting* mampu meningkatkan keupayaan murid melalui interaksi sosial dengan orang yang lebih mahir.

Dalam aktiviti kumpulan yang dilaksanakan berdasarkan kaedah *Brainwriting* dapat memupuk sikap keterbukaan dan fleksibiliti dalam mempertimbangkan pendapat yang lain serta penghormatan pendapat alternatif. Ini selari dengan pandangan Filda (2015), *Brainwriting* membantu murid dalam menjana dan mengembangkan idea bersama rakan mereka dalam satu kumpulan. *Brainwriting* membolehkan murid berkongsi idea antara rakan dalam satu kumpulan dan pelbagai idea dapat diperolehi (Berliyan 2016). Hal ini berlaku demikian kerana pembelajaran melalui usaha kolaboratif dengan orang yang lebih mahir membolehkan murid dapat menguasai konsep dan kemahiran baharu. Ini selari dengan pandangan Rishabh (2013) bahawa dalam teori *Vygotsky*, pembelajaran melalui usaha kolaboratif dengan orang yang lebih mahir membolehkan murid dapat menguasai konsep dan kemahiran baharu. Secara umum, kaedah *Brainwriting* dapat membantu murid memainkan peranan penting dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri di samping mengamalkan sikap keterbukaan dalam menerima idea orang lain.

Berdasarkan hasil perbincangan kajian berdasarkan kajian-kajian lepas, boleh dirumuskan bahawa pengaplikasian kaedah *Brainwriting* dapat memberikan sumbangan yang berkesan dalam meningkatkan kreativiti dan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa terutamanya dalam aspek kemahiran menulis. Pada masa yang sama, kaedah ini turut membawa banyak impak positif kepada murid secara tidak langsung dari segi pemikiran, keyakinan diri, minat, keupayaan menulis dan juga kemahiran interaksi sosial yang selari dengan prinsip teori pembelajaran *Vygotsky*.

## Kesimpulan

Penulisan sering dianggap kemahiran yang paling sukar dan kurang digemari oleh kebanyakan murid (Christine 2015). Tetapi hakikatnya, penulisan mempunyai sumbangan penting dalam pengembangan kemahiran lain dan juga menjadi alat untuk meluahkan perasaan, pemikiran dan maklumat seseorang. Maka, kelemahan murid dalam penulisan perlu diatasi dan dibendung bagi mengelakkan fenomena ini terus berlarutan dalam kalangan murid.

Kaedah *Brainwriting* merupakan pembelajaran berpusat kepada murid yang memberi lebih banyak

autonomi kepada murid untuk melibatkan diri dalam pembelajaran. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kaedah *Brainwriting* didapati berpotensi memberi pembelajaran yang lebih baik jika dibandingkan dengan kaedah pembelajaran konvensional. Melalui pengaplikasian kaedah *Brainwriting*, murid dapat menjana idea dan menghuraikan isi dengan baik dalam penulisan. Banyak idea kritis dan cadangan yang baik dijana secara kritis dan konsisten dalam proses pelaksanaan kaedah *Brainwriting*. Murid berupaya menulis secara sistematik berdasarkan idea yang dijana dalam kumpulan. Pada waktu yang sama, murid-murid juga menikmati keseronokan dalam penulisan. Kaedah *Brainwriting* berjaya meningkatkan minat dan tahap motivasi mereka dalam pembelajaran. Murid yang lebih berminat dalam kelas penulisan sudah pastinya menikmati lebih banyak faedah daripada mereka yang kurang aktif dan kurang mengambil inisiatif semasa proses pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa kaedah *Brainwriting* dapat membantu murid lebih bermotivasi, lebih berminat, lebih aktif dan lebih berinisiatif dalam pembelajaran.

Kertas konsep ini mendatangkan implikasi kepada banyak pihak seperti para murid, para pendidik, pihak sekolah dan juga KPM. Kaedah ini membuka minda murid terhadap penulisan terutama dalam aspek pencetusan dan pengembangan idea. Pelaksanaan kaedah *Brainwriting* memberi peluang kepada guru untuk mengintegrasikan penulisan dengan kemahiran interaksi sosial dan menjadikannya lebih menarik. Bukan itu sahaja, pihak sekolah disarankan bahawa kaedah *Brainwriting* boleh digunakan dalam penulisan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran menulis dan mendorong mereka menulis lebih banyak. Impak positif dalam kajian ini boleh memberi panduan kepada pihak KPM untuk mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang bersifat kolaboratif bagi menekankan elemen interaksi sosial bagi mengembangkan kemahiran penulisan murid.

Namun begitu, kertas konsep ini hanya menumpukan kepada penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis. Penulis mencadangkan kajian lanjutan meninjau tentang kesesuaian dan keberkesanan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran bertutur dan membaca. Bukan itu sahaja, penulis boleh fokus kepada komponen psikologi iaitu kreativiti atau motivasi supaya dapat mengkaji komponen tersebut dari pelbagai dimensi dalam penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam penulisan.

Sebagai umum, kaedah *Brainwriting* memenuhi keperluan masyarakat masa kini yang memerlukan penerapan pendekatan pendidikan yang bertujuan untuk mengembangkan pemikiran kreativiti dan motivasi individu. Pelaksanaan kaedah *Brainwriting* dapat menyakinkan para guru dalam mengintegrasikan

pengajaran kreatif di kelas dan seterusnya bertujuan untuk mengembangkan kecekapan menulis dalam kalangan murid. Dengan kata lain, pelaksanaan kaedah *Brainwriting* dapat mengubah persepsi murid dalam pembelajaran koperatif dan juga memupuk kemahiran menulis. Oleh itu adalah diharapkan penggunaan kaedah *Brainwriting* dapat menyelesaikan isu-isu yang telah lama wujud dalam penulisan karangan.

## Rujukan

- A Hamzah, F., Restu, J., & Asdar. (2018). Brainwriting learning model using episodic memory in teaching narrative text. *Exposure Journal*, 90-105.
- Abdul, R. J., Shamsuddin, O., & Sufiza, I. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1),42-51.
- Adi, S. (2019). *Pedoman penyusunan dan penulisan jurnal ilmiah bagi guru*. Yogyakarta: Penerbit Deepublish.
- Ahmad, F., & Zamri, M. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir i-think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12-22.
- Arin, N., Haniffa, P. & Agung, S. (2018). Using of Brainwriting to write a poem for first semester students of English study Program Muhammadiyah University of Bengkulu. Tesis Sarjana Muda, English Education Study Program, Universitas Muhammadiyah Bengkulu.
- Azieyana, A., & Christina, A. (2018). Penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1-9.
- Berliyan, A. F. (2016). Komparasi penggunaan strategi Brainwriting dan strategi double entry journal dalam pembelajaran menulis cerpen. Tesis Sarjana Muda, Fakultas Bahasa Dan Seni, Universitas Negeri Yogyakarta.
- Bhavani, S., & Zamri, M. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1),11-23.
- Che Zanariah, C. H., & Fadzilah, A. R. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67-87.
- Cheung, Y. (2018). The effects of writing instructors' motivational strategies on student motivation. *Australian Journal of Teacher Education*, 43(3),55-73.
- Christine, M. (2015). Experimenting with language through creative writing tasks. *Indonesian Journal of English Language Teaching*, 10(2), 69-83.
- Dian, P. K. D. & Haryanto. (2018). Bigbook writing based Brainwriting learning at the primary school. *Journal of Physics*, 1-7.
- Elvi, K. S. & Fitrawati. (2018). Using 6-3-5 Brainwriting in helping senior high school students doing brainstorming in writing process. *Journal of English Language Teaching*, 7(3),531-538.
- Farah, A. M. (2019). Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33-46.
- Filda, H. D. (2015). The use of Brainwriting 6-3-5 technique to improve students' writing ability of recount text. Tesis Sarjana Muda, Islamic Education And Teacher Teaching Faculty, Walisongo State Islamic University Semarang.
- Guilford, J. P. (1967). *The nature of human intelligence*. New York: McGraw-Hill.
- Hasnah, I. & Jamaludin, B. (2017). Kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Hasnan, M. S. (2017). Kaedah pembelajaran membina karangan secara efektif dalam kalangan murid tahun empat dengan menggunakan 'Gerabak Bahasa'. *International Conference on Global Education V*, 2855-2864.
- Irina, M. V. (2010). Vygotsky in twenty-first-century research. *Proceedings of World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications*, 16-25.

- Karim, S., Mohamad, K., & Saman, E. (2010). Vygotsky's zone of proximal development: instructional implications and teachers' professional development. *English Language Teaching*, 3(4), 237-248.
- Karim, S. (2016). Applications of Vygotsky's sociocultural approach for teachers' professional development. *Cogent Education* 3, 1-10.
- Karina, M. A, Anastasia, V. A., & Rustam, M. F. (2016). Enhancing students' learning motivation through reflective journal writing. *International Forum on Teacher Education*, 14-19.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelaporan pentaksiran sekolah rendah*.
- Muhamamd, F., Wan Muna, R., & Melor, M.Y. (2018). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan upsr oleh guru bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. *Sains Humanika*, 27-37.
- Niluphar, A. & Maud, B. (2017). Creativity as a stepping stone towards developing other competencies in classrooms. *Hindawi Education Research International* , (2) ,1-10.
- Nina, K. V. (2016). Teaching writing skill by using Brainwriting. *Journal of Languages and Literature*, 68-77.
- Norfaizah, A. J., Anida, S., & Idris, M. R. (2015). Pola tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan. *Jurnal Pendeta*, (5), 73-89.
- Noriati A. R., Boon, P. Y. & Sharifah, F. (2012). *Murid dan alam belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nur Shakirah, A., & Muhammad Saiful, H. H. (2017). Penguasaan asas membaca bahasa Melayu melalui program Linus di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid, 28, 135-163.
- Nurul Aisyah, A., Zamri, M., & Nor Azwa, H. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6( 2) , 1-9.
- Paul, A. O., Horberg, E. J. & Isabelle, P. (2017). *The Science of interest*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Rainal, H. (2016). Prosedur penjaanaan idea menggunakan teknik sumbang saran untuk kursus eksplorasi reka bentuk tekstil di Universiti Teknologi Mara Malaysia. Tesis Dr.Fal, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.
- Ratih, P. (2016). The use of Brainwriting strategy to improve the students' writing skill in descriptive text. Tesis Sarjana Muda, Teacher Training and Education Faculty, State Institute For Islamic Studies(Iain) Salatiga.
- Ririn, N. H. (2019). The implementation of Brainwriting 6-3-5 method to improve students' writing skills for the eleventh grades students of SMK Muhammadiyah Salatiga in the academic year 2019/2020. Tesis Sarjana Muda, Teacher Training And Education Faculty, State Institute For Islamic Studies (Iain) Salatiga.
- Rishabh, K. M. (2013). Vygotskian perspective of teaching-learning. innovation: *International Journal of Applied Research*, 1(1), 21-28.
- Shahlan, S., Shalinawati, R., & Saemah, R. (2013). Sumbangan elemen metakognitif terhadap pencapaian penulisan karangan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2) , 79-91.
- Siti, Rofiah. (2019). Peningkatan kemampuan belajar bahasa Indonesia siswa dengan metode Brainwriting melalui menulis puisi bebas. Tesis Sarjana Muda, Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan, Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Siti, Zabidah, M. (2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan murid tingkatan IV. Tesis Dr. Fal, Falkuti Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Sri Indrawati. (2017). Pencapaian kualiti dalam penulisan karangan mod eksposisi berdasarkan pendekatan kontekstual. Tesis Dr. Fal, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Stacey, T. L., & William, G. H. (2004). Connecting cognitive development and constructivism: implications from theory for instruction and

assessment. *Constructivism in the Human Sciences*, 9(1), 67-90.

- Sternberg, R.J. (2006). Creating a vision of creativity: the first 25 years. *Psychology of Aesthetics, Creativity and the Arts*, 2–12.
- Suppiah, N., Ramlah, J., & Abdul Aziz, A. S. (2008). *Psikologi pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Bakti.
- Syifana, A. T. (2019). Improving The students' writing skill by using Brainwriting 6-3-5 technique among the eighth grade at Mts Muhammadiyah Bumi Nabung. Tesis Sarjana Muda, Tarbiyah And Teacher Training Faculty, State Institute For Islamic Studies Of Metro.
- Wahyuni, O., Martono, & Agus, W. (2016). Penerapan teknik Brainwriting untuk meningkatkan menulis wacana narasi pada siswa kelas XI TPHP SMK. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 1-15.
- Yusfaiza, Y., & Mohd Ishah, A. (2012). Aplikasi pembelajaran Jigsaw II dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.
- Zamri, M., & Nor Razah, L. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 51-65.